

01/09/2001

Solat dua imam akibat hasutan: PM

Nadzim Ahmad Jamalludin

SEPANG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih dengan kejadian solat dua imam di Masjid Ar-Rahman berhampiran Universiti Malaya (UM), dan berpendapat ia akibat hasutan pihak luar.

Perdana Menteri berkata, jika bukan kerana hasutan, beliau tidak fikir penuntut berminat untuk membuat kerja seperti itu yang bertentangan dengan ajaran Islam.

"Tapi ada orang politik cuba menghasut mereka dengan harapan apabila penuntut itu keluar akan menyertai mereka.

"Dia (pihak yang menghasut pelajar) tidak fikir fasal agama, bangsa dan negara. Dia fikir fasal nak menang pilihan raya.

"Kalau dia berasa hendak tipu, dia tipu. Kalau hendak hina Tuhan, dia hina, asalkan dia boleh dapat kemenangan...itu saja," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Merdeka Millenium Endurance 2001 (MME 2001) di Litar FI Sepang di sini, petang ini.

MME 2001 adalah perlumbaan kereta tanpa henti selama 12 jam yang diadakan setiap tahun sempena sambutan Hari Kebangsaan, bermula 12 tengah malam tadi hingga 12 tengah hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian sembahyang dua imam yang berlaku di masjid itu sejak beberapa minggu lalu dan yang terbaru, malam kelmarin.

Dalam kejadian terbaru itu, pihak berkuasa agama dan polis menahan 16 orang termasuk dua imam di Masjid Ar-Rahman kerana mengerjakan solat Isyak berjemaah secara berasingan.

Mereka ditahan selepas solat Isyak oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan bantuan polis.

Tiga daripada mereka didakwa di Mahkamah Syariah semalam manakala 13 yang lain masih ditahan bagi siasatan lanjut di Balai Polis Lembah Pantai dan hanya akan dibebaskan selepas membayar ikat jamin.

Mengulas lanjut kejadian itu dengan mengimbas kembali zaman kecilnya, Dr Mahathir berkata: "Ketika itu orang Melayu tidak terbahagi kepada mazhab ataupun mengerjakan solat dua imam".

"Orang Islam di negara ini yang juga pengikut Imam Shafie mengikuti ajaran ahli Sunnah Wal Jamaah dengan tekun.

"Saya sembahyang daripada kecil tidak pernah tengok perpecahan. Tapi bila ada sebuah parti politik ini, barulah ada perpecahan," katanya.

Dr Mahathir berkata, keadaan mula berubah sejak 1959 apabila wujud parti politik lain sehingga soal mengkafirkan orang Islam timbul.

"Dia mengkafir pasal politik bukan pasal agama dan kini sudah sampai kepada tahap ada ekstremis yang hendak menggulingkan kerajaan dengan menggunakan kekerasan, tembak orang sampai mati, samun bank. Saya tidak tahu ini politik apa," katanya.

Perdana Menteri berkata, ada parti politik terus menerus mengadakan kempen dan ceramah yang bertujuan menyemai kebencian terhadap kerajaan.

"Kalau di negara lain, selepas pilihan raya tiada kempen lagi. Tidak ada ceramah, tidak ada perhimpunan.

"Tapi di Malaysia selepas pilihan raya, (dan) sehari selepas itu... tidak berhenti-henti (diadakan ceramah) dan ceramah itu tidak lain daripada memaki dan membenci kerajaan," katanya.

Dr Mahathir juga berasa sedih kerana orang Melayu masih suka memaki orang, malah perbuatan itu semakin menjadi-jadi hinggakan dirinya sendiri

turut menjadi sasaran dan diberi pelbagai gelaran yang tidak elok.

"Maki orang itu, maki orang ini. Saya dipanggil anjing, firaun, mahazalim, macam-macam ...dia fikir, tak ada lain selain membenci orang. Apa yang saya buat kat (pada) dia?.

"Bukan kebenaran yang penting, tapi siapa (yang) kata yang penting. Kalau orang itu dianggap tok guru..dia mengata, dia mencarut pun okey, tak apa, pasal dia tok guru. Sedihlah.." katanya.

Mengenai tarikh pilihan raya umum Sarawak, Dr Mahathir berkata, perkara itu akan ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(END)